

THE TITAN

richworks.com/thetitan

ARS EMPIRE MOTOR

BENGKEL KAMPUNG
KE PUSAT SERVIS &
ALAT GANTI MOTOSIKAL

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

04 DISEMBER 2022 | BIL: 36
www.richworks.com

Industry View
INDUSTRI
AUTOMATIF





TRANSFORMASI ARS EMPIRE MOTOR

Bermula dengan sebuah bengkel kecil membaiki motosikal di Sungai Penchala, Siti Rosnah Ismail membantu suaminya, seorang mekanik bagi menguruskan bisnes itu.

"Masa buka bengkel itu, memang kami berdua sahaja belum ada pekerja. Suami sebagai mekanik, saya pun masih bekerja sebagai pembantu jualan di farmasi. Enam tahun saya bekerja di farmasi.

"Pada 2012, saya berhenti kerja memandangkan suami tak mampu nak urus bengkel seorang diri," kongsinya lagi.

Siti Rosnah memulakan tugas sebagai juruwang, menyusun barang-barang dan keperluan lain di bengkel.

"Saya masuk dengan zero knowledge dan tak berapa tahu mengenai barang-barang yang ada di bengkel," ujarnya.

PERBAIKI SISTEM

Di awal perniagaan, Siti Rosnah tidak mempunyai pengetahuan pengurusan bisnes yang betul.

"Kami tak ada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pengurusan tak betul, tiada pejabat kecuali bengkel kampung biasa dan kecil," ujarnya.

Namun, segalanya berubah apabila beliau

menyertai program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) anjuran RichWorks pada 2015 selepas tiga tahun menjalankan perniagaan.

Menurutnya, program itu diketahui menerusi Facebook dan melakukan bayaran sehari sebelum kelas bermula.

"Masa saya pergi memang tak ada buat sebarang research, mentor ada results ke tak ada results.

"Masa hari pertama pergi IMKK, terfikir sebelum ni tak tahu pun ada program macam ini. Berniaga sekadar berniaga sahaja.

"Tak terfikir pun masa itu untuk buka cawangan lain dan sistem yang boleh autorun," katanya.

Lantas, pulang dari IMKK langkah pertama diambil beliau untuk membetulkan sistem dan mula mengambil pekerja.

DUA TAHUN TANPA MENTOR, INGATKAN...

Setelah menyertai IMKK, Siti Rosnah mengambil keputusan untuk menyertai program mentoring Titanium pada tahun sama.

"Setahun dapat bimbingan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman, perniagaan saya berkembang dan buka cawangan kedua di Damansara Utama," jelasnya.



Namun, tamat tempoh setahun dalam Titanium, Siti Rosnah mengambil keputusan untuk berhenti dibimbing.

“Saya fikir ok dah belajar dan dapat ilmu. Saya berhenti selama dua tahun kerana beranggapan tanpa mentor saya boleh jalankan perniagaan dengan baik.”

“Rupanya saya salah langkah, bila berhenti dalam Titanium jualan saya terkandas,” ujarnya.

Menurutnya, teknologi dalam bidang permotoran malah perniagaan ini berubah pantas serta semakin canggih.

Menyedari kesilapan itu pada penghujung 2018, Siti Rosnah kembali bersama circle Titanium dan memulihkan semula perniagaan.

“Awal saya sertai Titan jualan RM1.9 juta naik

kepada RM3.1 juta. Pada 2020 meningkat kepada RM4.2 juta.

“Semasa perintah kawalan pergerakan (PKP), syarikatnya masih bertahan dan meraih RM3.4 juta,” katanya.

BACA PASARAN

Menurut Siti Rosnah, cabaran awal memulakan perniagaan berbanding hari ini banyak bezanya.

“Dulu kita bermula ikut flow sahaja, sekarang kita mesti up to date, jika tidak akan ketinggalan. Sangat berbeza dan ketara.”

“Dulu sekali buat dah terus dapat hasil seperti yang dikehendaki, tapi sekarang kena gandakan usaha untuk kekal relevan dan mencapai target ditetapkan,” ujarnya.

Tambah beliau, berada di dalam circle Titan



“DULU SEKALI BUAT DAH TERUS DAPAT HASIL SEPERTI YANG DIKEHENDAKI, TAPI SEKARANG KENA GANDAKAN USAHA UNTUK KEKAL RELEVAN DAN MENCAPAI TARGET DITETAPKAN.”

memudahkan pemilik bisnes untuk menguruskan cabaran semasa dan berbeza mengikut tahap masing-masing.

“Dalam Titan walau ada cabaran tetapi kami dah bersedia. Pagi-pagi Dr. Azizan selalu ada program Morning Coffee, setiap minggu ada Weekly Focus jadi kita sentiasa ada energi,” ujarnya.

Selain itu, Siti Rosnah berkata tanpa bimbingan mentor yang betul, perniagaan dijalankan mungkin berada pada tahap yang sama dan tidak berkembang.

“Dr. Azizan berikan saya kepastian dan keyakinan untuk buat keputusan dalam perniagaan. Bila bercakap dengan Dr. Azizan keyakinan itu akan bertambah,” tegasnya.





PENCAPAIAN

Dari sebuah bengkel kampung di Sungai Penchala, kini ARS Empire Motor Sdn. Bhd. mempunyai tiga cawangan iaitu di Damasara Utama dan Batu Caves.

"Kami juga sedang merancang membuka 10 lagi cawangan di sekitar Lembah Klang," ujarnya.

Dinilai berdasarkan prestasi cemerlang, ARS Empire Motor diberi kepercayaan untuk bekerjasama dengan Petronas untuk perkhidmatan memperbaiki motor ketika acara MotoGP.

Pada 2020, ARS Empire Motor memenangi anugerah e-Branding BrandLaureate BestBrands 2020 dalam kategori penyelesaian alat ganti motosikal.

Bagi yang mahu mendapatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh

mendapatkan maklumat lanjut di Facebook ARS Empire Motor Sdn. Bhd..

Menyentuh pencapaian team, Siti Rosnah berkata, ekonomi team juga bertambah baik.

"Mereka mampu memiliki kenderaan sendiri, mempunyai caruman KWSP dan dilengkapi dengan kad perubatan.

"Kemahiran mereka juga meningkat, ada yang kami latih daripada hanya mempunya ilmu asas, sekarang mereka merupakan pekerja mahir," jelasnya.

Dalam pada itu, Siti Rosnah turut bersyukur apabila banyak impiannya telah tercapai.

"Daripada tiada kediaman sendiri, saya dah memiliki tiga buah rumah. Sangat penting bisnes mempunyai dokumentasi yang lengkap agar mudah berurusan dengan bank," ujarnya lagi.

3

NASIHAT

Siti Rosnah Ismail

PERTAMA, cari mentor yang betul elak langgar dinding.

"Kalau tak nak langgar dinding banyak kali carilah mentor. Kalau nak cepat berjaya cari orang yang betul, boleh bimbing kita," tegasnya.

KEDUA, ada impian yang besar.

"Kita kena selalu besarkan kita punya 'big why'. Sebab itu kita selalu kena tulis balik kita punya impian kerana ada mentor juga saya berani bina impian," katanya.

KETIGA, betulkan niat.

"Berniaga mesti dengan niat yang betul, niat untuk membantu dan memberi lebih banyak manfaat kepada banyak orang. InsyaAllah, perniagaan kita akan pergi lebih jauh," kongsi Siti Rosnah mengakhiri perbualan.❶





INDUSTRI AUTOMATIF

Industri automotif Malaysia merupakan antara bahagian penting dan strategik dalam sektor perkilangan negara.

Ia merangkumi pengeluaran kenderaan bermotor termasuk kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal, skuter dan komponen serta alat ganti automotif.

Subsektor automotif adalah sebahagian daripada ekosistem lengkap yang merangkumi sektor utama, perkilangan, perkhidmatan sokongan dan sektor selepas jualan.

Di Malaysia, terdapat 27 pengeluar jenama kenderaan, merangkumi jenama nasional dan antarabangsa.

Di samping itu, terdapat lebih 700 vendor, 53,000 pengedar, penjual dan pusat servis, serta juga lebih 700,000 individu yang bekerja di dalam sektor automotif dan mobiliti.

MEMACU PEMBANGUNAN KEJURUTERAAN

Industri ini mendorong pembangunan kejuruteraan, sampingan dan sokongan.

Ini juga menyumbang kepada pembangunan kemahiran dan peningkatan keupayaan teknologi dan kejuruteraan.

Faktor-faktor ini meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai pusat operasi bagi pengilang automotif global.

Malaysia berada di kedudukan yang baik di antara negara-negara ASEAN kerana nisbah pemilikan kereta yang tinggi di rantau ini. Honda, Toyota, Nissan, Mercedes-Benz dan BMW adalah beberapa syarikat automotif global yang telah beroperasi di negara untuk memanfaatkan permintaan pengguna.

Pembangunan industri automotif menjadikan negara ini sebagai pusat pengeluaran bagi pengeluar komponen automotif utama.

Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), terdapat kira-kira 800 pengeluar komponen automotif yang menghasilkan pelbagai komponen seperti panel badan, alat ganti brek, enjin, transmisi, stereng dan getah.

Melangkah ke hadapan, digitalisasi dan model perniagaan baru akan terus merevolusikan dunia dan semestinya akan turut memberi impak pada industri automotif di Malaysia.

Dijangkakan bahawa tren yang digerakkan oleh teknologi seperti mobiliti yang pelbagai, pemanduan tanpa kawalan, pengelektrikan dan penyambungan akan membentuk industri dalam masa 10 hingga 15 tahun.

Walaupun masa depan industri automotif akan berdepan dengan pelbagai cabaran, ia juga akan menciptakan pelbagai peluang baru.

AUTOMATIF DI ASEAN

Dengan mengambil kira trend terbaru dalam industri automotif di ASEAN, kemapanan pertumbuhan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan pengenalan berterusan model peralatan asli automotif (OEM) oleh pengeluar sememangnya dapat memberi impak besar kepada industri automotif.

Industri automotif ASEAN mendapat keuntungan besar daripada penggalakan pembangunan infrastruktur berterusan oleh kerajaan melalui pelaburan.

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020 terus membangunkan sektor automotif domestik dan

seluruh ekosistemnya untuk merealisasikan Visi Automotif Nasional.

Kajian ini merangkumi tiga elemen baharu: Kenderaan Generasi Seterusnya (NxGV) seperti kenderaan elektrik dan hibrid, Mobiliti sebagai Perkhidmatan (MaaS) & Industri 4.0.

EKONOMI DAN TEKNOLOGI

Perancangan untuk pembangunan industri automotif adalah berdasarkan pendekatan untuk membudayakan Malaysia dengan teknologi-teknologi masa depan yang canggih.

Pendekatan itu berdasarkan teknologi tinggi, yang menumpukan kepada pelaburan strategik dalam pembangunan rantaian bekalan tempatan dan peluang-peluang perniagaan baru yang bersifat inovatif.

Di samping itu, sektor automotif juga dapat menjana bagi keseluruhan ekonomi Malaysia agar dapat diselaraskan dengan perkembangan global.

Pada perkembangan sama, penggunaan aplikasi robotik dan Internet of Things (IoT) dalam sektor automotif akan mempunyai kesan limpahan yang akan mampu menggalak pertumbuhan ekonomi dan teknologi di sektor-sektor lain seperti pertanian, kesihatan dan pertahanan.

Kerajaan juga menumpu kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pelaksanaan teknologi robotik dan IoT dalam sektor automotif seperti smart manufacturing dan artificial intelligence (AI) yang turut boleh diguna pakai dalam pembangunan sektor-sektor lain.

PERSATUAN AUTOMOTIF MALAYSIA

Pada asalnya Persatuan Automotif Malaysia (MAA) ditubuhkan sebagai Gabungan Persatuan Peniaga Permotoran Malaya (FMMTA).

Bertujuan untuk peniaga motor tempatan membincangkan isu-isu berkaitan industri permotoran pada masa itu, terutamanya import dan pengedaran kenderaan bermotor dalam Completely Built-up. (CBU).

Pada 1968, FMMTA ditukar kepada Persatuan Peniaga Motor Malaysia (MMTA).

Pada tahun 2000, MAA ditubuhkan berikutan penggabungan MMTA dan Persatuan Pemasang Kenderaan Bermotor Malaysia (MMVAA).

Hasil gabungan itu, MAA berkembang dan mengambil alih peranan yang lebih besar merangkumi kedua-dua perdagangan serta aspek pembuatan industri.

Antara objektif persatuan ini adalah untuk menggalakkan, mempromosi dan melindungi kepentingan industri automotif di Malaysia.

DASAR AUTOMOTIF NASIONAL

Sejak penubuhan Proton pada 1985, Malaysia berjaya membangunkan keupayaan industri automotif yang bersepadu merangkumi rekaan tempatan dan keupayaan reka bentuk, operasi pengeluaran berskala penuh dan penyertaan tempatan yang meluas dalam pembekalan komponen.

Hari ini, Malaysia adalah pasaran kenderaan penumpang terbesar di ASEAN. Namun begitu, sebahagian besar daripada kejayaan negara

dalam membangunkan industri automotif tempatan telah didorong oleh dasar-dasar yang menyokong pengeluar kenderaan tempatan.

Pada masa hadapan, cabaran global dan domestik akan menguji kemapanan industri ini.

Industri global semasa mempamerkan pertumbuhan yang lembab, kemusnahan nilai dan rasionalisasi besar-besaran yang mendesak pengeluar kenderaan tempatan untuk bergabung bagi mencapai tahap skala yang lebih tinggi.

Menyedari persekitaran global ini, Dasar Automotif Nasional dirangka dengan tujuan menangani pelbagai masalah dan cabaran tersebut serta mentransformasikan sektor automotif tempatan supaya lebih berdaya tahan, berdaya saing dan menyumbang besar kepada ekonomi.

Seterusnya dasar dan sokongan kerajaan akan ditumpukan kepada peserta industri automotif yang memberi sumbangan ekonomi yang mapan.

Pemacu utama untuk sumbangan ekonomi itu adalah skala yang ekonomik, rantai industri dan aktiviti nilai tambah yang kompetitif.

Objektif keseluruhan Dasar Automotif Nasional adalah untuk menjana nilai ekonomi yang berterusan.

Ini akan memaksimumkan sumbangan jangka masa panjang sektor automotif ini kepada ekonomi negara dan pada masa yang sama menguntungkan pengguna Malaysia.

Bagi yang berminat untuk menceburkan diri dalam industri ini anda boleh membuat permohonan secara dalam talian melalui InvestMalaysia di investmalaysia.mida.gov.my.



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 – FEB 2023

richworks.com/mmm



Best+

Business
Evaluation
Success
Transformation



BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM ZOOM

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.